

Hayati gaya kepimpinan PM

JERANTUT 5 Ogos - Ahli UM-NO perlu memahami gaya kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang berlainan daripada kepimpinan sebelumnya.

Ahli Majlis Tertinggi UM-NO, Datuk Mustapha Mohamad berkata, ia bertujuan memudahkan Perdana Menteri meneruskan agenda pembangunan negara yang dirahcangnya.

Beliau berkata, ketika ini Abdullah gigih meningkatkan bidang pertanian dalam usaha membasmi kemiskinan di luar bandar menjelang 2010.

"Pendekatan Abdullah su-

dah menampakkan kejayaan pembangunan negara khususnya ekonomi penduduk luar bandar," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan Pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri UMNO Bahagian Jerantut di sini hari ini.

Sehubungan itu Mustapha berkata, amat wajar ketika ini ahli-ahli UMNO menumpahkan taat setia dan menghayati gaya kepimpinan Perdana Menteri setulus hati.

"Ini kerana dia (Pak Lah) mempunyai cara dan pendekatan tersendiri," kata beliau.